

**Borang Soal Selidik Pembangunan Modul Pedagogi Berasaskan Teknologi dan Gaya Pembelajaran  
bagi Kurikulum Fizik Tingkatan IV  
Teknik Delphi yang diubahsuai (Pusingan 1)**

Nama Pakar:.....

Soal selidik ini terdiri daripada **lima bahagian** iaitu perkakasan teknologi, bahan sokongan elektronik, teknik pengajaran Fizik, aktiviti dan latihan yang sesuai bagi setiap gaya pembelajaran. Model gaya pembelajaran Felder Silverman (1988) mengkategorikan pelajar kepada empat dimensi gaya pembelajaran: **sensing/intuitif, aktif/reflektif, visual/verbal dan sekuential/global**.

Berdasarkan pernyataan-pernyataan yang diberikan, sila jawab dengan **membulatkan nombor yang sesuai atau mewarnakan hijau** pada petak-petak yang disediakan.

**1= sangat tidak setuju; 2=tidak setuju; 3= setuju; 4= sangat setuju.**

Cadangan dan komen anda untuk penambahbaikan maklumat dalam soal selidik ini adalah sangat dialu-alukan. Ruang kosong disediakan untuk anda mencatatkan maklumat tambahan yang anda fikir sesuai. Ciri-ciri gaya pembelajaran adalah seperti dalam jadual di bawah:

<b>Gaya Pembelajaran</b>	<b>Ciri-ciri</b>
<i>Sensing</i>	<b>Pelajar sensing</b> lebih menggemari mempelajari fakta, menyelesaikan masalah secara tersusun dengan contoh yang berkaitan, lebih teliti dalam menjalankan kerja-kerja amali, gemar menghafal dan tidak gemar pelajaran yang tiada hubung kait dengan kehidupan di luar kelas.
<i>Intuitif</i>	<b>Pelajar Intuitif</b> lebih gemar kepada sesuatu yang baru, cepat bekerja dengan keadaan yang tidak tersusun, tidak gemar menghafal dan lebih gemar kepada formula-formula matematik serta sesuatu yang abstrak. Pelajar jenis ini juga tidak gemar guru mengulangi pelajaran yang telah dipelajari dan lebih suka kepada inovasi.
<i>Aktif</i>	<b>Pelajar Aktif</b> lebih memahami dan mengingat apa yang dipelajari dengan melakukan sesuatu, berbincang dan menerangkan kepada yang lain, suka bekerja dalam kumpulan dan tidak gemar pengajaran secara kuliah sahaja.
<i>Reflektif</i>	<b>Pelajar Reflektif</b> lebih suka bersendirian dan cuba memikirkan penyelesaian masalah secara senyap dan mereka lebih senang pengajaran adalah secara kuliah.
<i>Visual</i>	<b>Pelajar Visual</b> lebih mengingat apa yang dipelajari sekiranya mereka melihat gambar, rajah, carta alir dan demonstrasi. Mereka lebih menggemari guru yang mengajar dengan menggunakan bahan bantuan mengajar serta menggunakan banyak persembahan grafik dalam pengajarannya.
<i>Verbal</i>	<b>Pelajar Verbal</b> lebih suka mendengar guru atau perbincangan yang dijalankan di kelas dan suka membaca kuat serta mengulanginya beberapa kali.
<i>Sekuential</i>	<b>Pelajar Sekuential</b> mampu memahami sesuatu apabila disampaikan dalam bentuk urutan daripada mudah kepada yang kompleks. Mereka agak sukar mendapat gambaran sebenar sesuatu perkara tersebut dan tidak boleh membuat hubungkait dengan subjek lain atau disiplin lain. Dalam menyelesaikan masalah, mereka lebih gemar menunjukkan jalan kerja yang teratur dan mudah faham.
<i>Global</i>	<b>Pelajar Global</b> mudah memahami sesuatu maklumat secara holistik dan agak lambat dan tidak sistematik dalam penyelesaian masalah kecuali setelah mereka mendapat gambaran yang menyeluruh tentang perkara tersebut. Mereka lebih gemar mengaitkan pengetahuan atau pengalaman lepas untuk mendalami sesuatu perkara dan dapat menghubungkan dengan subjek atau disiplin lain.











5. Membuat kertas kerja	1 2 3 4	1 2 3 4	1 2 3 4	1 2 3 4	1 2 3 4	1 2 3 4	1 2 3 4	1 2 3 4	
6. Temu bual	1 2 3 4	1 2 3 4	1 2 3 4	1 2 3 4	1 2 3 4	1 2 3 4	1 2 3 4	1 2 3 4	
7. Pembentangan tugasan	1 2 3 4	1 2 3 4	1 2 3 4	1 2 3 4	1 2 3 4	1 2 3 4	1 2 3 4	1 2 3 4	
8. Membuat kerja kumpulan	1 2 3 4	1 2 3 4	1 2 3 4	1 2 3 4	1 2 3 4	1 2 3 4	1 2 3 4	1 2 3 4	
9. Pemerhatian	1 2 3 4	1 2 3 4	1 2 3 4	1 2 3 4	1 2 3 4	1 2 3 4	1 2 3 4	1 2 3 4	
10. Permainan dengan audio	1 2 3 4	1 2 3 4	1 2 3 4	1 2 3 4	1 2 3 4	1 2 3 4	1 2 3 4	1 2 3 4	
11. Menghasilkan peta minda.	1 2 3 4	1 2 3 4	1 2 3 4	1 2 3 4	1 2 3 4	1 2 3 4	1 2 3 4	1 2 3 4	
12. Menghasilkan (laman web)	1 2 3 4	1 2 3 4	1 2 3 4	1 2 3 4	1 2 3 4	1 2 3 4	1 2 3 4	1 2 3 4	
13. Lain-lain a. b.									

## SEKIAN, TERIMA KASIH.

Sebarang pertanyaan boleh dikemukakan kepada:  
 Norlidah Alias  
 Pelajar Ph.D Kurikulum  
 Fakulti Pendidikan Universiti Malaya  
 019-3875894/ [03-33745894/norlidah2007@yahoo.com](mailto:03-33745894/norlidah2007@yahoo.com)  
 Penyelia: Prof. Dr Saedah Siraj